

KUTKM sama taraf dengan IPTA lain

Archival News | Berita Harian | 11/10/2003 | Author: Daud Awang

WALAU baru setahun jagung, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) yang terletak di kampus sementara di Ayer Keroh, Melaka, kini boleh diibaratkan `duduk sama rendah, berdiri sama tinggi' dengan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) lain.

Ini kerana walaupun baru memasuki usia tiga tahun, KUTKM mula menawarkan pengajian di peringkat ijazah sarjana (MA), doktor falsafah (PhD) dan doktor kejuruteraan sejak Jun lalu selain diploma dan ijazah pertama.

KUTKM adalah IPTA ke-14 dan ditubuhkan pada 1 Disember 2000 mengikut Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) menerusi perintah Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (Pemerbadanan 2001) yang diwartakan sebagai PU (A) 124 pada 3 Mei 2001.

Penubuhan KUTKM dibuat berdasarkan keputusan kerajaan untuk memenuhi keperluan industri masa depan terhadap guna tenaga profesional dalam bidang teknikal yang mantap pengetahuan akademiknya serta mempunyai ketrampilan dan kemahiran teknikal yang tinggi.

Pengambilan pelajar pertama bermula pada Jun 2001 seramai 348 orang dan di pertingkatkan dari setahun ke setahun dan kini KUTKM mempunyai 2,900 pelajar yang mengikuti pengajian di lima fakulti dan dua pusat perkhidmatan akademik.

Antaranya ialah Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Setakat ini, sebanyak 22 kursus ditawarkan dan daripada jumlah itu, lima di peringkat diploma dan 17 di peringkat ijazah pertama.

Ketika mula ditubuhkan, KUTKM adalah IPTA pertama di negara ini melaksanakan pendidikan teknikal secara `hands-on' dengan memberi keutamaan kemasukan pelajar dari aliran sains, teknik dan kemahiran.

Ciri-ciri `hands-on' yang diperkenalkan itu meliputi struktur kurikulum dan kursus, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta kerjasama dan pembabitan industri.

Berdasarkan ciri-ciri itu, kursus yang ditawarkan adalah kursus pengkhususan, dibangunkan bersama industri untuk memenuhi keperluan industri, kurikulum dengan kandungan `hands-on' sehingga 60 peratus dan 40 peratus teori gunaan, selain projek penyelidikan berbentuk gunaan yang menyumbangkan terus kepada pembangunan industri.

Dari aspek pengajaran dan pembelajaran pula, ia lebih menekankan amali sama ada di makmal, bengkel, pusat universiti-industri dan di industri.

Manakala kerjasama dengan industri pula membabitkan program latihan industri, program penyelidikan gunaan, pemindahan teknologi dan perundingan serta program pendidikan berterusan.

Rektor KUTKM, Datuk Prof Dr Mohd Ruddin Ab Ghani berkata, kaedah `hands-on' yang dilaksanakan KUTKM akan membolehkan IPTA ini melahirkan profesional yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan teori yang kukuh tetapi mempunyai kemahiran tinggi dari segi praktikal dan aplikasi.

"Kumpulan profesional yang dilahirkan oleh KUTKM sudah tentu dapat melengkapkan keperluan sumber tenaga manusia dalam bidang teknikal yang sangat diperlukan untuk memacu pembangunan negara," katanya.

Mohd Ruddin berkata, pendekatan secara `hands-on' dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang diperkenalkan oleh KUTKM akan menjadi titik tolak perubahan dalam bidang pendidikan tinggi negara.

"Sesungguhnya, penubuhan KUTKM adalah kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedar bahawa keperluan industri negara pada masa depan memerlukan sumber tenaga profesional yang mempunyai ketrampilan dan kemahiran teknikal yan mantap.

"Ini kerana sumber tenaga seperti ini amat penting ke arah negara mencapai negara maju menjelang Tahun 2020," katanya.

Nama KUTKM terlakar dalam sejarah pendidikan negara apabila mengadakan Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Majlis Konvokesyen Komemoratif (peringatan) di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, 28 Ogos lalu.

Pada istiadat itu, Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Syed Ahmad Shahabuddin dimasyhurkan sebagai Naib Canselor KUTKM yang pertama bagi tempoh tidak melebihi tujuh tahun.

Serentak dengan itu, tiga tokoh yang berjasa dan memberi sumbangan dalam bidang masing-masing turut dianugerahkan Ijazah Kehormat.

Tokoh berkenaan ialah Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan (Pembangunan Belia); Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Ahmad Zaharudin Idrus, Ijazah Kehormat Doktor Sains dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Universiti Coventry, England, Prof Ashraf Jawaid, Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan.

Dengan visi untuk menjadi universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia dan misi untuk melahirkan profesional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketrampilan, KUTKM kini sudah bersedia mencapai matlamat itu.

(END) Source : Berita Harian

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA